



Ruj. Kami : MITI/BKIE/785 JLD. 4  
Tarikh : 6 Februari 2014

Pengurus Besar  
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.  
Tower 3, Avenue 5, The Horizon  
Bangsar South, No.8  
Jalan Kerinchi  
59200 KUALA LUMPUR  
(u.p.: En. Wan Ahmad Syatibi Wan Abd Manan)

Tuan,

**LIVE IMPLEMENTATION SISTEM ePERMIT BAGI PRODUK BESI DAN KELULI  
OEK DAGANG NET TECHNOLOGIES SDN. BHD. (DNT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 27 Januari 2014 berhubung perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa MITI mengambil maklum akan *live implementation* sistem ePermit bagi produk besi dan keluli yang akan dilaksanakan oleh DNT pada 15 Februari 2014 dan yuran transaksi yang akan mula dipungut daripada pengguna iaitu sebanyak RM5.00 + 6% cukai perkhidmatan bagi setiap transaksi lesen yang diluluskan seperti terkandung di dalam perjanjian *National Single Window* (NSW).

3. Sehubungan itu, MITI tiada halangan akan *live implementation* dan pungutan yuran transaksi yang akan dilaksanakan kepada pengguna sistem ePermit produk besi dan keluli seperti terkandung di dalam perjanjian NSW. Namun begitu, pihak DNT adalah dipohon untuk membuat hebahan awal berhubung perkara ini kepada syarikat-syarikat yang terlibat sebelum tarikh pelaksanaan bagi mengelakkan sebarang isu berbangkit di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN'

Saya yang menurut perintah,

(KAMARIAH YEOP ABDULLAH)

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri